



Bangun awal dan menaiki kereta api pertama ke puncak bukit, anda akan menikmati pemandangan subuh yang sungguh luar biasa. Pada hari yang cerah, anda dapat menghayati matahari terbit yang megah, manakala pada hari yang lebih dingin, rasailah kabus putih bak gula-gula kapas menyelimuti di puncak bukit.

Bukit Bendera merangkumi 6 puncak bukit, dan yang tertinggi berketetinggian 833 meter (2,723 kaki) atas paras laut, memberikan pemandangan yang terindah di seluruh Pulau Pinang. Dari 'Sky Walk' dan Dek Pemandangan yang seiringan, nikmatilah pemandangan 180° bandar Georgetown yang mempesonakan.

Menjelang waktu senja, ketika matahari terbenam di garis ufuk dan cahaya langit terang berunsur menuju malam, bandar Georgetown di kaki bukit semakin berkelipan. Bukit Bendera sentiasa mengilhamkan pengalaman yang baru, bermakna dan penuh kenangan. Jika anda ingin beristirahat di puncak bukit selepas petang, kereta api terakhir ke kaki bukit selepas petang, kereta api terakhir ke kaki bukit berlepas pada pukul 11 malam.



Lihat

Sentuh



Menjejak langkah di pangkuan alam sekitar sambil menikmati keindahan flora dan fauna. Laluan yang menghijau menawarkan lokasi yang sempurna untuk menjejak tumbuh-tumbuhan eksotik dan yang paling dicari di seluruh dunia seperti pokok Periuk Kera dan spesis orkid yang istimewa iaitu 'Slipper Orchid'.

Meneroka kehijauan Bukit Bendera yang beralun dan menemui kecantikan alam sekitar. Sama ada merentasi laluan pejalan kaki yang kemas, ataupun menerusi jalan pintas yang mencabar, banyak lagi pusaka alam kehijauan yang menanti anda di Bukit Bendera!




Melepaskan diri dari suasana bandar yang hiruk-pikuk dan menikmati suasana dingin dengan suhu 18°C - 26°C. Keheningan di puncak bukit akan mengurangkan tekanan harian anda, memberikan anda ketenangan jiwa ketika anda menghirup udara yang segar dan nyaman.

Selain itu, bangunan dan rumah agam banglo warisan kolonial pra-perang yang terletak di antara pokok menghijau memang senario yang luar biasa. Merasai keindahan kawasan luar bandar ala-Eropah sedangkan anda berada dalam dakapan hutan hujan tropika.



Tupai Gergasi hitam merupakan salah satu spesis tupai yang terbesar di dunia



Menemui Lotong Kelabu yang comel dengan bulatan bulu putih di sekelling kelopak matanya yang seakan-akan cermin mata

Jikalau anda bertuah, anda akan menemui beberapa haiwan kecil yang jarang kelihatan seperti Lotong Kelabu, Tupai Gergasi Hitam dan juga Burung Cecawi Anting-anting di pangkuan hutan hujan tropika Bukit Bendera ini. Mereka boleh ditemui sekali-sekala ketika pertengahan hari dan juga lewat petang.

Nikmat

